




KANAK-KANAK Sidi merupakan penyambung warisan adat kuno masyarakat itu di India.



GELAGAT kanak-kanak Sidi yang mencuri tumpuan lensa kamera Sheth.



SHETH merupakan antara individu di India yang berminat mengkaji kehidupan masyarakat Sidi.

KOSMO 20/6/13 MS 28

MASYARAKAT Sidi yang tinggal selama beratus tahun di kawasan pantai barat India masih mengamalkan adat resam nenek moyang mereka. Mereka terdiri daripada keturunan pendatang dari Afrika ke India pada abad kesembilan.

Buku bertajuk *A Certain Grace* hasil nukilan seorang jurugambar India, Ketaki Sheth mendedahkan masyarakat tersebut hidup dalam kemiskinan di negara itu. Namun, mereka masih berpegang teguh dengan budaya yang dibawa dari negara asal.

Buku yang dilancarkan di Mumbai pada bulan lalu menceritakan mengenai pengalaman kali pertama Sheth menyelami kehidupan masyarakat itu

Keturunan hamba Afrika di India

Walaupun menjadi kaum pendatang di India, masyarakat Sidi masih berpegang teguh dengan adat yang dibawa dari Afrika Timur.

merupakan salah satu usaha untuk mengambil kesempatan terhadap orang Afrika yang berketurunan Sidi.

Buku *A Certain Grace* juga menceritakan mengenai eksperimen yang berakhir sembilan tahun lalu itu. Ia menunjukkan laporan politik kecil dan perbalahan dalam kalangan pentadbir telah melahirkan atlet yang bertaraf antarabangsa seperti Juje Jackie Harnodkar.

Harnodkar merupakan seorang atlet

ketika berucap di Gujarat pada tahun 2005.

"Inilah pertama kali saya berjumpa masyarakat Sidi di Sirwan iaitu sebuah perkampungan di tengah hutan yang dihadaiahkan oleh Nawab iaitu seorang putera raja sebagai tanda penghargaan terhadap taat setia mereka," ujarnya.

Baur pemusuhan

Dianggarkan kira-kira 60,000 hingga 70,000 daripada 1.2 juta masyarakat Sidi dari Afrika Timur berhijrah ke India. Masyarakat itu ternyata kurang senang dengan kunjungan orang asing dan tidak menggalakkan perkahwinan campur.

Menurut Sheth, kehadirannya ke kampung itu disambut oleh sekumpulan lelaki yang menunggu di pintu masuk Jambur, sebuah kampung berdekatan dengan Sirwan. Pergerakannya sentiasa menjadi perhatian penduduk di situ.

"Sekiranya pandangan mereka itu boleh membunuh, saya merupakan salah seorang mangsa. Saya dapat merasakan baur-baur permusuhan dan mungkin kebencian melalui pandangan mereka terhadap orang asing," jelasnya.

Dua daripada sekumpulan kanak-kanak kelihatan marah dengan wajah menakutkan telah mencuri tumpuan lensa kamera Sheth. Dalam tempoh lima tahun Sheth terlibat dalam projek potret dan fotografi jalanan, dia melihat masyarakat itu berubah sedikit demi sedikit.

Jambur menjadi latar belakang utama dalam setiap karya fotografi yang berkonsepkan hitam dan putih.

Menurut cerita, tentera dan orang Arab telah membawa keturunan hamba ke India. Masyarakat Sidi tinggal di kawasan kampung dan bandar di pantai barat India dan ada dalam kalangan

mereka tinggal bertebaran di negara itu.

Seorang profesor antropologi di Universiti Columbia, New York, Mahmood Mamdani memberitahu, kebanyakan mereka berhijrah bukanlah untuk menjadi buruh tetapi bekerja sebagai askar.

Menurut tulisan Mahmood dalam muka surat pengenalan buku Sheth, penceroboh Portugis telah membawa hamba askar dari Mozambique ke India.

"Apa yang menarik minat Portugis bukanlah bayaran murah untuk setiap buruh tetapi kesetiaan mereka. Dalam konteks ini, hamba yang terbaik ialah hamba yang berkhidmat sepanjang hayat kepada pemerintah atau keluarga kasta atas," jelasnya dalam buku itu.

Masyarakat Sidi yang setia akan diberikan tanah yang membolehkan mereka membina kediaman di situ.

Ahli akademik Amerika Syarikat (AS), Beheroze Shroff yang telah menjalankan kajian mengenai masyarakat Sidi selama enam tahun memberitahu, kaum tersebut seperti pendatang lain yang mencipta semula tradisi mereka di negara baharu.

Sesetengah adat telah hilang manakala selebihnya seperti muzik, tarian dan penggunaan perkataan Swahili dalam dia-

SHETH menunjukkan buku *A Certain Grace* hasil nukilannya yang mengandungi kisah hidup masyarakat Sidi di India.



lek pertuturan Gujarati masih diamalkan oleh masyarakat Sidi.

Ritual

Shroff memberitahu, masyarakat Sidi Muslim masih mengamalkan ritual dan upacara melibatkan gendang dan tarian. Ia dipanggil goma dalam bahasa Swahili yang bermaksud gendang, lagu dan tarian.

"Ia diwarisi dan dipelajari oleh setiap generasi sejak kanak-kanak," ujar Shroff yang mengajar di Universiti California, AS.

Masyarakat Sidi dianggap sebagai kaum terpinggir sejak tahun 1956, namun mendapat manfaat daripada dasar-dasar kerajaan India.

Pihak Berkuasa Sukan India (SAI) melancarkan sebuah pusat latihan Olimpik di Gujarat pada tahun 1987. Ia

Harnodkar merupakan seorang atlet daripada masyarakat Sidi kelas pertengahan. Masyarakat Sidi sukar mendapat pekerjaan kerana mereka buta huruf.

Sukhi, salah seorang gadis daripada 88 gambar potret yang berjaya menarik perhatian Sheth dalam bukunya itu mengakui bahawa dia jarang ke sekolah.

"Kali terakhir dia hadir ke sekolah ialah pada kali terakhir saya berjumpa dengannya. Sukhi berumur 10 atau 12 tahun ketika saya mengambil gambarnya pada tahun 2005 tetapi apabila saya bertanya kepadanya, dia seolah-olah tidak pasti," ujarnya.

Gambar potret Sukhi merupakan antara karya yang menarik. Matanya kelihatan sedih dan rambutnya ikal maya yang semasa Sheth mengambil gambarnya di Jambur. - AFP

WALAU PUN pada awalnya dipandang serong, Sheth akhirnya berjaya mendokumentasikan 88 karya fotografi yang dimuatkan dalam buku *A Certain Grace*.

